

**Kerajaan sementara akan teruskan pentadbiran
Utusan Online
29 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR 28 Mac - Pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Dewan Rakyat sama ada secara automatik kerana mencapai tempoh maksimum lima tahun atau dibubarkan lebih awal daripada tempoh itu, akan membawa kepada pembentukan kerajaan sementara atau 'caretaker government'.

Dalam menjelaskan mengenai peranannya, pakar undang-undang, **Prof. Salleh Buang** berkata, kerajaan sementara secara amnya bertanggungjawab menjaga kebajikan, kesejahteraan dan kestabilan rakyat serta negara buat sementara waktu sehingga DUN atau Dewan Rakyat kembali bersidang selepas pilihan raya umum.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan sementara juga akan meneruskan pentadbiran dan melaksanakan tugas-tugas yang ditinggalkan kerajaan sebelum ini dengan kuasa terhad berbanding ketika DUN atau Dewan Rakyat masih belum dibubarkan.

"Kerajaan sementara tidak boleh menggubal dasar baharu serta mengubah dasar sedia ada.

"Kerajaan sementara juga tidak boleh mengikat perjanjian atau kontrak baharu yang melibatkan perbelanjaan tinggi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kedudukan DUN Negeri Sembilan yang terbubar secara automatik buat pertama kali selepas 12 pilihan raya umum diadakan apabila mencapai tempoh matang lima tahun semalam.

Walau bagaimanapun, garis panduan tertentu bagi membolehkan kerajaan sementara di peringkat Persekutuan mahupun negeri untuk melaksanakan pentadbiran masih belum diwujudkan di negara ini.

Sementara itu, Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abd. Aziz** berkata, garis panduan perlu diwujudkan segera sebagai rujukan mengenai perkara yang boleh atau tidak boleh dilaksanakan oleh kerajaan sementara.

Beliau juga berpendapat, kerajaan sementara perlu dilantik oleh sultan atau Yang di-Pertuan Agong bagi mewujudkan kredibiliti sehingga tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Sebagai contoh di Negeri Sembilan katanya, Yang Dipertuan Besar melalui kuasa yang ada seperti termaktub dalam Perkara 38(2) Perlembagaan Negeri Sembilan boleh membuat pelantikan untuk membentuk sebuah kerajaan sementara.

"Begitu juga di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik kerajaan sementara seperti yang termaktub di dalam Perkara 38(2) Perlembagaan Persekutuan.

"Terpulang sama ada hendak melantik kerajaan terdahulu atau orang baharu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130329/px_07/Kerajaan- sementara-akan-teruskan-pentadbiran